

# KERATAN AKHBAR

SIN CHEW DAILY

TARIKH: 18 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 09

## ZURADA: HARAPAN MENCAPAI SASARAN PEMBANGUNAN BERTERUSAN KERAJAAN MENETAPKAN KPI UNTUK 155 PBT

**[PULAU PINANG]** YB Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri KPKT akan menetapkan KPI kepada 155 PBT semua negeri. Beliau berharap PBT dapat mencapai 17 SDGs seperti yang ditetapkan oleh PBB sebelum tahun 2030. Dalam Majlis Penutupan APUF, beliau berkata sekiranya PBT dapat mencapai beberapa KPI, ia sudah memadai dan ini menunjukkan negara kita merealisasikan sasaran pembangunan berterusan. Beliau juga berkata kita akan menganjurkan lebih banyak program akar umbi dengan komuniti untuk membolehkan mereka memahami objektif pembangunan berterusan dan juga mempromosikan dasar-dasar yang lebih baik.

Dalam Majlis APUF yang berlangsung selama tiga hari, sebanyak 100 perbincangan telah diadakan. Seramai 600 orang penceramah dan 6,500 orang peserta telah menyertai majlis tersebut. Beliau merumuskan forum ini dengan mengatakan pelaksanaan blueprint PBT harus dilaksanakan secara berperingkat. Beliau juga menegaskan sekiranya program akar umbi komuniti tidak membawa kepada usaha pembangunan berterusan, semua manifesto adalah sia-sia. Beliau juga berkata KPKT akan menganjurkan Forum PBT di negeri Melaka pada bulan Jun 2020.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN